



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/02/16 (HQ)

KERJA PENGOREKAN PIHAK KETIGA PUNCA GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK MRT SUNGAI BULOH-KAJANG

Gangguan bekalan elektrik yang melibatkan perkhidmatan MRT laluan Sungai Buloh-Kajang yang berlaku jam 12:09 petang pada 19 Februari 2020 dirujuk.

Siasatan kami mendapati gangguan berpunca daripada kerosakan kabel TNB di antara pencawang masuk utama (PMU) Kajang dan stesen suis utama (SSU) MRT Kajang akibat kerja-kerja pengorekan oleh pihak ketiga.

Pihak TNB telah memulihkan semula bekalan dengan menyalurkannya dari saluran alternatif lain. Bekalan pulih sepenuhnya pada 1.19 petang.

Sementara itu, kerja-kerja membaiki kabel yang rosak sedang giat dijalankan.

Walaupun perkara ini bukan pertama kali berlaku, pihak TNB ingin sekali lagi memohon kerjasama semua pihak yang menjalankan kerja-kerja pengorekan agar merujuk terlebih dahulu kepada TNB bagi mendapatkan maklumat pemetaan dan khidmat nasihat. Ini boleh mengurangkan kebarangkalian kejadian seumpamanya berlaku lagi.

Sebarang kesulitan amat dikesali. Untuk mengetahui maklumat berkaitan gangguan bekalan elektrik, hubungi TNB CareLine 15454.


Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 20 Februari 2020, jam 4.30 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /

Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524

atau emel ke media@tnb.com.my

S.A. 2020/02/16 (HQ)



Siasatan mendapati gangguan berpunca daripada kerosakan kabel TNB di antara pencawang masuk utama (PMU) Kajang dan stesen suis utama (SSU) MRT Kajang akibat kerja-kerja pengorekan oleh pihak ketiga.